

KEPUTUSAN SPM MENGECEWAKAN

Pelajar tertekan apabila bapa terlalu marah, enggan bercakap



Saya tertekan dengan keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), baru-baru ini. Pada masa sama, saya sedih kerana mengecewakan harapan keluarga. Walaupun begitu, ibu masih tenang dan memberikan kata-kata semangat. Berbeza dengan ayah yang enggan bercakap dengan saya. Mungkin ayah terlalu marah dengan saya kerana tidak mendengar nasihat sebelum ini. Saya sungguh tertekan dan tidak tahu apa yang perlu dilakukan.

BUNTU
Negeri Sembilan

Pertama sekali terima kasih atas perkongsian luahan rasa ini. Bagi saya, ia adalah petanda yang

baik buat anda kerana berusaha untuk mengawal emosi dan kesedihan terhadap keputusan diperoleh. Meskipun terkilan, menyesal, sedih dan tertekan dengan keputusan itu namun, anda masih sempat berfikir dan bertindak menghantar e-mel untuk penyelesaian yang sebenar.

Kesedihan itu adalah reaksi kepada imbauan tindakan yang pernah dilakukan. Oleh yang demikian, wujudnya satu gerak rasa pelbagai dalam minda dan hati anda ketika ini. Segala tindakan dan usaha sebelum ini menjadi satu bayangan kesedihan dan kekecewaan itu.

Dalam proses ini, anda perlu merasai segala perasaan itu secara jujur dan benar kerana ia adalah tindak balas sebenar dari dalam jiwa. Luahan itu membenarkan anda untuk meneliti segala tindakan, kelakuan, sikap serta usaha yang perlu diperbaiki.

Kesedaran ini adalah permulaan kepada sesuatu perkara lebih baik pada masa akan datang. Berikan masa untuk anda menerima keputusan ini dengan hati terbuka tetapi berkeinginan untuk memperbaikinya pada masa akan datang.

Anda tetap bertuah kerana mempunyai ibu yang amat memahami dan tidak jemu memberikan kata-kata semangat. Saya cukup optimis ayah juga boleh menerimanya namun beliau perlukan sedikit masa untuk lebih terbuka. Mungkin reaksi ibu dan ayah adalah berbeza kerana sikap dan personaliti juga berbeza. Anda boleh memahami respons berbeza ini menerusi fahaman anda mengenai sikap kedua-duanya itu. Marah ayah ada sebabnya dan anda perlu mencari penyelesaian untuk meredakan kemarahan itu.

Meminta maaf dengan kesedaran untuk berubah itu boleh dijadikan kaedah memujuk marah ayah.

Respons ayah terhadap keputusan itu adalah satu pengajaran untuk lebih mendengar nasihat serta tunjuk ajar ayah ibu. Semoga kesedaran ini berterusan dan anda boleh mencipta kejayaan lebih baik dalam aspek berbeza. Cari masa dan tempat yang sesuai untuk anda bersemuka dengan ayah (ditemani ibu) untuk meminta maaf dan menyatakan perancangan anda selepas ini. Saya cukup yakin, dengan bantuan ibu, anda akan lebih selesa dan berani untuk berdepan dengan ayah secara harmoni dan penuh tertib.

Selain berusaha untuk mengurangkan rasa sedih dan kesal itu, anda boleh mula berfikir dan merancang keperluan pengajian seterusnya. Terdapat beberapa pilihan yang boleh dipertimbangkan seperti menyambung pengajian di peringkat sekolah tingkatan enam, memasuki kolej swasta atau kemahiran tertentu,

politeknik serta institusi pengajian lain.

Anda masih boleh memohon kemasukan pengajian ke peringkat universiti atau matrikulasi dengan membuat pemilihan kursus pengajian bersesuaian. Dalam hal ini, saya menggalakkan anda untuk berbincang dengan kaunselor kerjaya atau pendidikan yang boleh membantu memilih dengan bijak. Anda masih mempunyai peluang dan kesempatan untuk mencipta kehidupan lebih sempurna dengan mendapatkan bantuan seorang pakar kaunseling yang profesional.

Selain berjumpa untuk merancang hala tuju selepas SPM, anda juga berpeluang menguruskan emosi dengan rasional. Minta bantuan ibu atau kenalan lain untuk mendapatkan perkhidmatan kaunseling itu.